



AKTA KEUPAYAAN MENTAL: PANDUAN PENERIMA KUASA

OFFICE OF THE
**PUBLIC
GUARDIAN**

BAHAGIAN A APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?	04
A1. Apa itu keupayaan mental?	04
A2. Apa itu Akta Keupayaan Mental dan kenapa ia penting?	05
A3. Kod Amalan	06
A4. Surat Kuasa Berkekalan (LPA)	07
BAHAGIAN B APAKAH TUGAS YANG DILAKUKAN OLEH PEJABAT PENJAGA AWAM?	08
B1. Penjaga Awam	08
B2. Fungsi Penjaga Awam	08
B3. Pejabat Penjaga Awam	09
B4. Peranan Lembaga Peninjau	09
BAHAGIAN C APA YANG BERLAKU BILA SAYA DILANTIK SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA?	10
C1. Apakah dua jenis penerima kuasa?	10
C2. Penerima kuasa kebajikan diri	10
C3. Apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seorang penerima kuasa kebajikan diri?	12
C4. Sekatan-sekatan lain	14
C5. Apakah keputusan-keputusan yang dikecualikan?	15
C6. Bilakah kuasa yang ada pada saya sebagai seorang penerima kuasa kebajikan diri berakhir?	16

C7. Penerima kuasa harta benda & urusan	17
C8. Apakah yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh seorang penerima kuasa harta benda & urusan?	18
C9. Bilakah kuasa yang ada pada saya sebagai seorang penerima kuasa harta benda dan urusan berakhir?	19
C10. Soalan-soalan lain	20
C11. Bagaimanakah seorang penerima kuasa perlu membuat keputusan dan bertindak?	21
C12. Bagaimanakah saya dilindungi sebagai seorang penerima kuasa?	21

BAHAGIAN D APAKAH KEPUTUSAN YANG BOLEH SAYA BUAT SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA? 22

D1. Apakah keputusan yang boleh saya buat dan bila saya perlu melakukannya?	22
D2. Bagaimanakah saya tahu bila saya boleh mula membuat keputusan?	22
D3. Bagaimanakah lima prinsip berkanun diguna pakai?	23

BAHAGIAN E APA YANG TERJADI SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN? 30

E1. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku pertikaian?	30
E2. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?	33

GLOSARI 35

Buku ini memberi panduan bagi anda jika anda dilantik untuk menjalankan peranan sebagai penerima kuasa. Ia memberi gambaran menyeluruh tentang kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab anda sebagai penerima kuasa.

Sebagai penerima kuasa, anda bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak orang yang kurang keupayaan agar membuat keputusan bagi diri mereka sendiri.

Jika sukar atau rumit bagi anda untuk membuat keputusan yang melibatkan hal kewangan, rawatan perubatan atau hal-hal kebijakan diri kami sarankan anda agar mendapatkan nasihat guaman bebas dan/atau nasihat profesional yang lain.

Senario dan contoh-contoh dalam panduan ini adalah ilustrasi saja. Watak-watak dan situasi yang dipaparkan adalah rekaan semata-mata. Tetapi, dalam kes-kes yang tertentu, nasihat profesional tidak boleh diketepikan dan situasi yang diberikan di sini tidak boleh sama sekali dijadikan contoh bagi mendapatkan keputusan yang serupa. Ia juga bukan merupakan satu petunjuk bagaimana pihak mahkamah akan membuat keputusan bagi sesbuah kes, kerana ia bergantung pada fakta-fakta yang ada kenamengena yang tidak dipertimbangkan dalam contoh-contoh ini.

SEBELUM KITA MULAKAN

BAHAGIAN A

APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN APAKAH YANG PERLU SAYA TAHU?

A1. APA ITU KEUPAYAAN MENTAL?

Keupayaan mental adalah kemampuan seseorang untuk membuat sesuatu keputusan tertentu pada sesuatu waktu tertentu.

Keupayaan mental dinilai berdasarkan keadaan kes masing-masing dan andaian tidak boleh dibuat berdasarkan penyakit yang seseorang itu hidapi. Tambahan pula, kurang keupayaan mental seseorang itu tidak boleh berdasarkan hanya pada:

- umur;
- keadaan zahir seseorang – ini termasuk sifat-sifat fizikal bagi beberapa keadaan (contohnya, sifat-sifat yang berkaitan dengan Down Syndrome atau kekejangan otot yang disebabkan oleh cerebral palsy) serta aspek penampilan seperti pemakaian atau tahap kebersihan;
- keadaan – ini termasuk kecacatan fizikal, kecacatan intelek, penyakit yang berkait dengan umur atau keadaan sementara seperti mabuk; atau
- aspek tingkah laku – ini termasuk tingkah laku yang dilihat luar biasa oleh orang lain, contohnya, menggoyang-goyangkan badan ke hadapan dan belakang, bercakap sendiri atau ketawa tanpa sebab. Ia juga termasuk sikap ekstrovert, contohnya, memekik-mekik dan menghayun-hayunkan tangan ataupun tingkah laku menyepikan diri dengan tidak mahu bercakap atau mengelak daripada bertentang mata.



A2. APA ITU AKTA KEUPAYAAN MENTAL DAN KENAPA IA PENTING?

Akta Keupayaan Mental (Akta) membolehkan seseorang merancang lebih awal dan memberi mereka kuasa untuk membuat pilihan bagi masa depan mereka sebelum mereka hilang keupayaan mental. Ia juga menghuraikan tentang betapa perlunya mereka yang berusia 21 tahun ke atas membuat keputusan apabila mereka kurang keupayaan mental untuk membuat keputusan bagi diri mereka sendiri.

Akta ini juga:

- a. membolehkan seseorang itu membuat Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) untuk melantik seorang atau lebih penerima kuasa (donee) agar membuat keputusan dan bertindak bagi pihak mereka sekiranya dan apabila keupayaan mental mereka berkurangan di masa hadapan;
- b. membolehkan mahkamah melantik seorang timbalan (deputy) untuk membuat keputusan dan bertindak bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental jikalau keputusan perlu dibuat tetapi tidak terdapat timbalan untuk membuat keputusan itu;
- c. membenarkan ibu bapa yang mempunyai anak yang cacat intelek untuk memohon kepada mahkamah supaya mereka dilantik sebagai timbalan anak mereka serta melantik seorang lagi sebagai pengganti timbalan sekiranya ibu bapa tadi meninggal dunia atau hilang keupayaan mental mereka sendiri;
- d. memberi perlindungan secara undang-undang kepada sesiapa yang menjaga dan merawat seseorang yang kurang keupayaan mental, mengikut syarat-syarat tertentu yang dikenakan, termasuk syarat yang menghendaki tindakan itu dilakukan demi kepentingan orang tersebut;
- e. memberi perlindungan kepada mereka yang kurang keupayaan mental; dan
- f. mempunyai lima prinsip berkanun yang mesti dipatuhi oleh sesiapa yang membuat keputusan atau mengambil tindakan untuk seseorang yang kurang keupayaan.

Seseorang itu mungkin berupaya untuk membuat keputusan pada sesuatu waktu tertentu, tetapi tidak pada waktu yang lain. Contohnya, seseorang itu boleh ke pasar dan membeli makanan, tetapi dia tidak dapat menguruskan wang yang banyak atau membuat keputusan dalam urusan pelaburan. Setiap kali masa berlalu, keupayaan mental boleh bertambah atau berkurangan.

A3. KOD AMALAN

Kod Amalan ini menjelaskan secara terperinci tentang Akta Keupayaan Mental. Ia menerangkan lebih lanjut bagaimana Akta ini boleh diguna pakai. Ia membantu mereka:

- memahami tentang peranan dan tanggungjawab mereka di bawah Akta ini;
- memahami tentang langkah-langkah yang boleh mereka ambil untuk membuat persediaan di hari muka sekiranya mereka kurang keupayaan diri; dan
- memahami tentang prinsip-prinsip yang boleh diguna pakai semasa menjaga mereka yang kurang keupayaan mental.

Kod Amalan ini adalah suatu panduan untuk setiap orang yang berinteraksi dengan orang kurang keupayaan mental. Ini termasuk mereka yang memberikan khidmat penjagaan secara rasmi, seperti para profesional dan pemberi jagaan yang dibayar, serta secara tidak rasmi seperti ahli keluarga dan rakan-rakan orang yang kurang keupayaan itu.

Apabila bertindak bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental, individu berikut perlu menimbangkan Kod Amalan tersebut:

- a. penerima kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA);
- b. timbalan yang dilantik mahkamah;
- c. golongan profesional, contohnya, peguam, petugas penjagaan kesihatan profesional, akauntan, kru ambulans; dan
- d. orang-orang yang dibayar, contohnya, penjaga yang dibayar, pakar terapi.

Panduan Kod Amalan harus dipatuhi.

A4. SURAT KUASA BERKEKALAN (LPA)

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) adalah dokumen yang sah di sisi undang-undang, yang membenarkan seorang yang berumur 21 tahun ke atas (pemberi kuasa - donor) dan ada keupayaan mental untuk melantik secara sukarela seorang penerima kuasa (donee), dan membuat keputusan dan bertindak bagi pihaknya dalam hal-hal kebajikan diri, harta benda & urusan ataupun kedua-duanya apabila dia kurang keupayaan mental di masa hadapan.

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) mula berkuatkuasa apabila pemberi kuasa hilang keupayaan, tidak seperti Surat Kuasa lain yang selalunya akan hilang kuasa apabila pemberi kuasanya hilang keupayaan mental. Surat Kuasa Berkekalan (LPA) membenarkan individu untuk merancang bagi kemungkinan berlakunya keadaan sedemikian.

Borang Surat Kuasa Berkekalan (LPA) ditetapkan dalam dua versi untuk menampung keperluan individu:

1. LPA Borang 1 mengandungi banyak kotak ditandakan bagi pemberi kuasa memberi kuasa kepada penerima kuasa dengan adanya pilihan untuk memilih syarat yang dasar atau sekatan bagi kuasa-kuasa tersebut. Borang ini boleh diisi sendiri oleh pemberi kuasa.
2. LPA Borang 2 mengandungi banyak ruang untuk ditulis di mana seseorang individu boleh menyatakan pemberian kuasa mengikut keperluannya. Borang ini hendaklah didraf oleh seorang peguam.

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) akan dibuat oleh pihak pemberi kuasa apabila dia ada keupayaan untuk melakukannya. Akan tetapi, kuasa yang telah diberikan di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) kepada seseorang penerima kuasa tidak akan berkuatkuasa sehingga orang itu hilang keupayaan mental pada masa itu.

Surat Kuasa Berkekalan (LPA) meliputi keputusan-keputusan yang berkaitan dengan:

- a. hal-hal kebajikan diri (membenarkan keputusan tentang penjagaan, di mana harus tinggal dan lain-lain), dan
- b. hal-hal tentang harta benda & urusan (membenarkan penerima kuasa untuk membuat keputusan mengenai urusan dengan pihak bank, hal-hal Tabung Simpanan Pekerja, penjualan harta benda dan lain-lain)

BAHAGIAN B

APAKAH TUGAS YANG DILAKUKAN OLEH PEJABAT PENJAGA AWAM?

B1. PENJAGA AWAM

Penjaga Awam bertugas untuk memelihara maruah dan kepentingan para individu yang kurang keupayaan mental dan rentan. Beliau adalah ketua Pejabat Penjaga Awam.

B2. FUNGSI PENJAGA AWAM

Penjaga Awam menjalankan pelbagai fungsi untuk membolehkan dan melindungi mereka yang kurang keupayaan. Fungsi-fungsi ini termasuk:

- mengadakan daftar untuk Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) dan daftar perintah mahkamah yang melantik para timbalan;
- menyelia para timbalan;
- menerima laporan-laporan timbalan; dan
- menyiasat sebarang dakwaan tentang perlanggaran ke atas mana-mana peruntukan Akta Keupayaan Mental, termasuk aduan-aduan tentang cara penerima kuasa dan timbalan melaksanakan kuasa mereka.

B3. PEJABAT PENJAGA AWAM

- Pejabat Penjaga Awam menyokong Penjaga Awam dalam menjalankan fungsi-fungsinya.
- Pejabat Penjaga Awam adalah bahagian dalam Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga.

B4. PERANAN LEMBAGA PENINJAU

Peranan Lembaga Peninjau adalah untuk:

- mengunjungi orang-orang yang kurang keupayaan, para penerima kuasa atau timbalan; seperti yang diarahkan oleh Penjaga Awam atau mahkamah, dan
- memantau keadaan diri mereka yang kurang keupayaan.

Terdapat dua jenis peninjau:

- Peninjau Khas – adalah pengamal perubatan berdaftar atau orang-orang yang mempunyai kepakaran relevan tentang kecacatan pada atau gangguan ke atas fungsi pemikiran atau otak, dan
- Peninjau Am – tidak semestinya berkelayakan dalam bidang perubatan.



BAHAGIAN C

APA YANG BERLAKU BILA SAYA DILANTIK SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA?

C1. APAKAH DUA JENIS PENERIMA KUASA?

Pemberi kuasa Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) boleh menyerahkan kuasa kepada penerima kuasa untuk membuat keputusan tentang:

- kebajikan diri (termasuk keputusan penjagaan kesihatan) dan/atau
- harta benda & urusan (termasuk hal-hal kewangan).

C2. PENERIMA KUASA KEBAJIKAN DIRI

Seorang penerima kuasa kebajikan diri mestilah seorang individu yang berumur sekurang-kurangnya 21 tahun untuk menandatangani Surat Kuasa Berkekalan (LPA).

Penerima kuasa mestilah orang perseorangan; contohnya, "Fiona Fernandez" dan bukan nama jawatan; contohnya, "peguam saya". Syarikat atau perniagaan tidak boleh dilantik sebagai penerima kuasa kebajikan diri.

Apakah kuasa, tugas dan tanggungjawab saya?

Secara am, seorang penerima kuasa kebajikan diri menolong untuk membuat keputusan bagi pihak pemberi kuasa berkaitan dengan hal-hal seperti di mana pemberi kuasa perlu tinggal dan kegiatan-kegiatan sehariannya.

Jenis-jenis keputusan dan tindakan yang seorang penerima kuasa kebajikan diri dibenarkan membuatnya adalah termasuk:

- di mana pemberi kuasa perlu tinggal;
- dengan siapa pemberi kuasa perlu tinggal;
- keputusan tentang penjagaan dari hari ke hari (contohnya, apa yang hendak dipakai dan dimakan);
- kegiatan sosial yang mana harus disertai;
- menguruskan surat-menyurat peribadi pemberi kuasa; dan
- dengan siapa harus berhubungan.

Senarai di atas mengandungi beberapa contoh tentang jenis-jenis keputusan dan tindakan seorang penerima kuasa kebajikan diri boleh lakukan tetapi ianya bukan satu senarai yang lengkap.

C3. APA YANG BOLEH DAN TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH SEORANG PENERIMA KUASA KEBAJIKAN DIRI?

Boleh

Semua penerima kuasa memainkan peranan penting dalam menjalankan tugasannya mereka menurut Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA). Ini diguna pakai oleh penerima kuasa kebajikan diri dan harta benda & urusan.

Anda mesti:

- patuhi prinsip-prinsip berkanun;
- bertindak demi kepentingan pemberi kuasa;
- perhatikan panduan dalam Kod Amalan;
- menjalankan arahan-arahan daripada pemberi kuasa dan membuat keputusan menurut batas kuasa yang diberikan oleh Surat Kuasa Berkekalan (LPA);
- menjalankan tugasannya dengan penuh teliti dan kemahiran;
- bertindak dengan tulus ikhlas;
- hormati apa yang menjadi rahsia; dan
- simpan semua rekod.

Tidak Boleh

Di sini ada beberapa perkara penting yang penerima kuasa perlu ingat:

- jangan ambil kesempatan dengan kedudukan anda untuk keuntungan diri anda;
- jangan serahkan kuasa anda kepada orang lain; dan
- jangan serahkan peranan anda tanpa memaklumkan pemberi kuasa dan Pejabat Penjaga Awam.

Untuk panduan tambahan berkaitan dengan amalan dan larangan bagi penerima kuasa, anda perlu rujuk kepada perenggan 8.5 dalam Kod Amalan.

Penerima kuasa yang dilantik untuk membuat keputusan mengenai kebajikan diri (penerima kuasa kebajikan diri) tidak boleh membuat keputusan mengenai hal-hal kewangan pemberi kuasa kecuali penerima kuasa itu juga dibenarkan untuk membuat keputusan mengenai hal-hal harta benda & urusan pemberi kuasa.

Seorang penerima kuasa kebajikan diri boleh memberi atau menolak keizinan untuk menjalankan atau meneruskan rawatan oleh sesiapa yang memberi penjagaan kesihatan (termasuk menjalankan ujian klinikal) jika dan hanya jika, pemberi kuasa menyatakan hasratnya itu dalam Surat Kuasa Berkekalan (LPA).

Walau bagaimanapun, seseorang penerima kuasa kebajikan diri tidak mempunyai kuasa untuk menolak rawatan mengekalkan hayat atau sebarang rawatan lain yang diperlukan untuk mencegah keadaan pemberi kuasa dari semakin merosot lagi. Selalunya doktor yang akan membuat keputusan sebegini bagi demi kepentingan pesakit itu.

Jika pemberi kuasa telah membuat Arahan Perubatan Terdahulu (Advanced Medical Directive, AMD) menurut Akta Arahan Perubatan Terdahulu selagi dia masih ada keupayaan, para doktor harus patuhi AMD ini.

C4. SEKATAN-SEKATAN LAIN

Anda hanya membuat keputusan bagi pemberi kuasa jika pemberi kuasa itu kurang keupayaan atau jika anda mempercayai bahawa pemberi kuasa kurang keupayaan untuk membuat keputusan-keputusan tersebut. Untuk melindungi pemberi kuasa, undang-undang tidak membenarkan anda membuat keputusan yang berikut bagi pihak pemberi kuasa:

Perkara Perubatan

- Anda mungkin tidak perlu memberi atau menolak keizinan bagi menjalankan atau meneruskan rawatan yang diberikan oleh seorang penjaga kesihatan (termasuk menjalankan ujian klinikal), melainkan pihak pemberi kuasa itu sendiri menyatakan dalam Surat Kuasa Berkekalan (LPA).
- Anda mungkin tidak diperlukan membuat apa-apa keputusan yang berkaitan dengan menjalankan atau meneruskan
 - rawatan untuk mengekalkan hayat pemberi kuasa yang diberikan oleh seorang penjaga kesihatan sama ada ianya adalah sejenis rawatan mengekalkan hayat yang luarbiasa, seperti yang ditentukan dalam bahagian 2, Akta Arahan Perubatan Terdahulu, atau
 - rawatan-rawatan lain ke atas pemberi kuasa yang seseorang penjaga kesihatan percaya secara munasabah bahawa ianya perlu untuk mencegah keadaan pemberi kuasa daripada menjadi semakin teruk lagi.

Para doktor yang akan membuat keputusan tersebut kerana mereka tertakluk dalam tugas profesional mereka demi kepentingan pesakit mereka.

Penggunaan Sekatan/Menahan

Sekatan adalah menggunakan atau mengugut untuk melakukan secara paksa oleh penerima kuasa atau seseorang yang dibenarkan penerima kuasa untuk menjayakan sesuatu tindakan yang mana ditentang oleh penerima kuasa ataupun menyekat pemberi kuasa dari bergerak bebas, sama ada dia menghalang atau pun tidak.

Seseorang itu boleh disekat tanpa menggunakan paksaan secara fizikal atau mengugut untuk gunakan paksaan secara fizikal.

Anda tidak boleh menggunakan sekatan kecuali:

- anda percaya bahawa tindakan sekatan itu perlu untuk mengelakkan pemberi kuasa daripada sebarang bahaya, dan
- sekatan yang dikenakan adalah tindak balas yang sesuai dengan kemungkinan pemberi kuasa menghadapi bahaya dan kesan yang teruk akibat bahaya tersebut.

C5. APAKAH KEPUTUSAN-KEPUTUSAN YANG DIKECUALIKAN?

Akta ini tidak membenarkan beberapa keputusan dibuat bagi pihak seseorang yang kurang keupayaan mental.

Keputusan-keputusannya adalah:

a.	memberi izin untuk berkahwin
b.	memberi izin untuk menyentuh secara seksual
c.	memberi izin untuk bercerai kerana telah berpisah selama tiga tahun
d.	memberi izin untuk membuat satu perintah pengambilan anak angkat
e.	menukar atau menganuti sesuatu agama
f.	menerima rawatan untuk menukar jantina
g.	memberi atau membatalkan izin untuk rawatan pemandulan seksual
h.	memberi atau membatalkan izin untuk melakukan pengguguran
i.	mendaftar atau menarik balik bantahan untuk pemindahan organ daripada seseorang yang meninggal dunia
j.	membuat atau membatalkan Arahan Perubatan Terdahulu
k.	menyerah atau membatalkan penyerahan tubuh atau mana-mana bahagian tubuh

C6. BILAKAH KUASA YANG ADA PADA SAYA SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA KEBAJIKAN DIRI BERAKHIR?

Perlantikan anda dibatalkan jika:

- pihak pemberi kuasa atau anda meninggal dunia;
- perkahwinan di antara pemberi kuasa dan anda dibubarkan atau dibatalkan kecuali Surat Kuasa Berkekalan (LPA) itu sendiri menyatakan dengan khusus bahawa ianya bukan begitu;
- anda secara rasmi menolak perlantikan sebagai seorang penerima kuasa; atau
- anda kurang keupayaan mental.

Akan tetapi, kuasa yang diberikan Surat Kuasa Berkekalan (LPA) akan dibatalkan jika Surat Kuasa Berkekalan (LPA) melantik lebih daripada satu penerima kuasa untuk bertindak secara bersama dan kuasa pada seorang daripada penerima kuasa itu dibatalkan.

Kuasa yang diberikan, Surat Kuasa Berkekalan (LPA) tidak dibatalkan dan tetap sah jika ada penerima kuasa pengganti diri yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) atau ada seorang atau lebih penerima kuasa yang masih hidup yang dilantik untuk bertindak secara bersama dan secara berasingan dalam apa juga perkara.

C7. PENERIMA KUASA HARTA BENDA & URUSAN

Secara am, seorang penerima kuasa harta benda & urusan akan menolong untuk membuat keputusan bagi pihak pemberi kuasa tentang perkara yang ada kaitan dengan urusan akaun bank dan harta bendanya.

Apakah kuasa, tugas dan tanggungjawab saya?

Jenis-jenis keputusan yang anda dibenarkan buat meliputi:

- mengurus harta benda – pembelian, penjualan, penyewaan dan penggadaian janji harta benda;
- membuka, menutup dan mengendalian akaun bank;
- menerima dividen, pendapatan, faedah pewarisan atau lain-lain pendapatan hak kewangan bagi pihak pemberi kuasa;
- mengendalikan perkara-perkara cukai;
- membayar sewa, pembayaran gadai janji dan perbelanjaan rumah;
- melabur wang simpanan pemberi kuasa; dan
- membeli kenderaan atau lain-lain perlengkapan yang diperlukan pemberi kuasa.

Senarai di atas mengandungi beberapa contoh tentang jenis-jenis keputusan dan tindakan yang penerima kuasa harta benda dan urusan boleh lakukan tetapi ianya bukan senarai yang lengkap.

C8. APAKAH YANG BOLEH DAN TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH SEORANG PENERIMA KUASA HARTA BENDA & URUSAN?

Boleh

Anda memainkan peranan yang penting dalam menjalankan tugas anda dalam Surat Kuasa Berkekalan (LPA).

Anda harus mengikuti set boleh yang sama sebagai seorang penerima kuasa kebijakan diri dalam bahagian C3 itu. Tambahan pula, anda mesti:

- menyimpan rekod, dan
- menyimpan wang dan harta benda pemberi kuasa berasingan dengan akaun peribadi anda.

Tidak boleh

Anda hanya boleh membuat keputusan bagi pemberi kuasa jika pemberi kuasa itu kurang keupayaan, atau anda mempercayai bahawa pemberi kuasa itu kurang keupayaan untuk membuat keputusan-keputusan tersebut.

Penerima kuasa yang dilantik untuk membuat keputusan tentang hal-hal harta benda & urusan (penerima kuasa harta benda & urusan) tidak boleh membuat keputusan tentang kebijakan pemberi kuasa kecuali penerima kuasa itu dibenarkan untuk membuat keputusan tentang kebijakan diri pemberi kuasa.

Untuk melindungi pihak pemberi kuasa, undang-undang tidak memberarkan anda untuk membuat keputusan-keputusan yang berikut bagi pihak pemberi kuasa:

Wasiat, insurans & hal-hal Tabung Simpanan Pekerja (Central Provident Fund, CPF)

- Anda tidak boleh lakukan yang berikut bagi pihak pemberi kuasa:
 - menguatkuasakan Wasiat;
 - membuat atau membatalkan perlantikan bagi polisi insurannya;
 - membuat atau membatalkan perlantikan akaun CPFnya.

Hadiah

- Anda tidak boleh memberi sebagai hadiah daripada harta benda pemberi kuasa kecuali pemberi kuasa itu dalam Surat Kuasa Berkekalan (LPA) beliau telah memberarkan secara khusus dilakukan oleh anda.
- Bilamana pemberi kuasa memberarkan penerima kuasa membuat pemberian, pemberi kuasa harus menyatakan harga pemberian itu atau pemberian apa yang harus dibuat di dalam Surat Kuasa Berkekalan (LPA).
- Bilamana pihak pemberi kuasa tidak menyatakan dengan khusus harga pemberian itu, anda, bila membuat pemberian:
 - mesti memikirkan bahawa harga pemberian itu berpatutan dan mengambil kira semua keadaan, terutama sekali, saiz harta pemberi kuasa; dan
 - mesti memikirkan prinsip-prinsip yang ada bahawa harta pemberi kuasa harus disimpan bagi menampung pemberi kuasa semasa hayatnya.

C9. BILAKAH KUASA YANG ADA PADA SAYA SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA HARTA BENDA DAN URUSAN BERAKHIR?

Perlantikan anda dibatalkan jika:

- pemberi kuasa atau anda meninggal dunia;
- pemberi kuasa atau anda jatuh muflis;
- anda adalah satu syarikat amanah yang tidak membayar lesen atau dibatalkan atau dibubarkan, dimansuhkan atau dalam pengurusan kehakiman;
- perkahwinan diantara pemberi kuasa dan anda dibubarkan atau dibatalkan kecuali Surat Kuasa Berkekalan (LPA) itu sendiri menyatakan dengan khusus perkara seperti itu tidak akan terjadi;

- anda secara rasmi menolak perlantikan sebagai seorang penerima kuasa; atau
- anda kurang keupayaan mental.

Kuasa yang telah diberikan oleh Surat Kuasa Berkekalan (LPA) akan dibatalkan jika Surat Kuasa Berkekalan (LPA) melantik lebih daripada satu penerima kuasa untuk bertindak secara bersama dan kuasa daripada satu di antara penerima kuasa itu dibatalkan.

Kuasa yang diberikan oleh Surat Kuasa Berkekalan (LPA) tidak akan dibatalkan dan tetap menjadi sah jika ada penerima kuasa pengganti yang dilantik di bawah Akta itu atau masih ada satu atau lebih penerima kuasa yang dilantik untuk bertindak secara bersama atau secara berasingan dalam apa-apa pun perkara.

C10. SOALAN-SOALAN LAIN

Bolehkah saya menolak permintaan untuk dilantik sebagai seorang penerima kuasa?

Ya. Pemberi kuasa perlu memberitahu anda jika dia berniat untuk melantik anda sebagai seorang penerima kuasa dan anda pula mesti memberi izin. Anda boleh menolak perlantikan ini jika anda mahu.

Anda mesti menandatangani satu pernyataan persefahaman dalam Surat Kuasa Berkekalan (LPA). Jika anda menolak perlantikan anda, Surat Kuasa Berkekalan (LPA) tadi tidak akan lengkap dan kedudukan anda sebagai seorang penerima kuasa tidak akan dijadikan sah.

Bolehkah terdapat lebih daripada seorang penerima kuasa?

Ya. Pemberi kuasa boleh melantik seorang penerima kuasa atau lebih.

Jika anda bertindak bersama dengan seorang penerima kuasa yang lain, anda perlu sanggup bekerja bersama-sama agar apa-apa perbezaan pendapat boleh diselesaikan secara baik untuk mengelakkkan kebuntuan.

C11. BAGAIMANAKAH SEORANG PENERIMA KUASA PERLU MEMBUAT KEPUTUSAN DAN BERTINDAK?

Berikut adalah cara-cara untuk pemberi kuasa melantik dua orang penerima kuasa atau lebih bagi membuat keputusan mengenai perkara yang sama:

- Secara bersama: Penerima kuasa perlu bertindak secara bersama dan tidak boleh bertindak secara berasingan.
- Secara bersama dan berasingan: Penerima kuasa boleh mengambil keputusan secara bersama atau berasingan. Kedua-dua keputusan adalah sah.

Jika lebih daripada seorang penerima kuasa dilantik tetapi pemberi kuasanya tidak menyebut bagaimana anda harus bertindak, di sisi undang-undang anda harus bertindak secara bersama.

C12. BAGAIMANAKAH SAYA DILINDUNGI SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA?

Sebagai seorang penerima kuasa, anda diberikan perlindungan di bawah Akta Keupayaan Mental.

Jika anda ada tujuan menggunakan kuasa yang telah diberikan itu, anda tidak bertanggungjawab terhadap kuasa itu sebab ianya belum wujud kecuali semasa waktu bertindak, anda:

- tahu bahawa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) belum wujud, atau
- sedar dalam apa jua keadaan, bahawa jika Surat Kuasa Berkekalan (LPA) telah wujud, akan menamatkan kuasa anda untuk bertindak sebagai seorang penerima kuasa.

Perkara di atas ditujukan pada semua penerima kuasa, sama ada mereka bertindak bersendirian, secara bersama dan/atau berasingan.

BAHAGIAN D

APAKAH KEPUTUSAN YANG BOLEH SAYA BUAT SEBAGAI SEORANG PENERIMA KUASA?

D1. APAKAH KEPUTUSAN YANG BOLEH SAYA BUAT DAN BILA SAYA PERLU MELAKUKANNYA?

- a. Anda hanya boleh membuat keputusan bagi pihak pemberi kuasa apabila pemberi kuasa itu kurang keupayaannya untuk membuat keputusan-keputusan tersebut.
- b. Anda hanya boleh membuat keputusan menurut kuasa yang diberikan kepada anda di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA).
- c. Anda tidak boleh membuat apa-apa keputusan bagi pihak pemberi kuasa jika anda tahu:
 - bahawa pemberi kuasa itu tidak kurang keupayaannya atau anda tidak percaya secara munasabah bahawa pemberi kuasa itu kurang keupayaan;
 - bahawa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) belum diwujudkan (contohnya, anda tahu pemberi kuasa kurang keupayaan ketika pemberi kuasa tersebut menandatangani Surat Kuasa Berkekalan (LPA) tadi); atau
 - tentang keadaan yang boleh menamatkan kuasa anda untuk bertindak sebagai seorang penerima kuasa.

D2. BAGAIMANAKAH SAYA TAHU BILA SAYA BOLEH MULA MEMBUAT KEPUTUSAN?

Anda tidak boleh membuat keputusan walaupun selepas Surat Kuasa Berkekalan (LPA) didaftarkan, selagi pemberi kuasa berkenaan masih ada keupayaan mental. Anda boleh mula membuat keputusan dan bertindak bagi pihak pemberi kuasa hanya apabila pemberi kuasa itu kurang keupayaan mentalnya.

D3. BAGAIMANAKAH LIMA PRINSIP BERKANUN DIGUNA PAKAI?

Prinsip-prinsip berkanun membantu seseorang individu untuk terlibat sejauh mungkin dalam proses membuat keputusan dan melindunginya apabila dia kurang upaya untuk melakukannya.

Ketika membuat keputusan atau bertindak bagi pihak orang yang kurang keupayaan mental, prinsip-prinsip ini hendaklah dibaca berserta dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Keupayaan Mental tersebut untuk memastikan agar tindakan atau keputusan yang wajar dapat diambil dalam setiap kes.

Prinsip 1: Anggapan mengenai keupayaan

Seseorang itu mesti dianggap berkeupayaan untuk membuat sesuatu keputusan bagi dirinya sendiri kecuali ada bukti bahawa beliau kurang keupayaan untuk membuat keputusan tersebut sewaktu ianya perlu dibuat.

Menilai tentang kurang keupayaan seseorang itu tidak boleh dibuat berdasarkan rupa, usia, keadaan atau tingkah laku orang itu semata-mata. Oleh itu, biarkanlah mereka membuat keputusan mereka sendiri setakat mana yang mereka boleh.


CERITA SHANTI

Shanti Sandu ialah seorang janda berusia 66 tahun yang tinggal sendirian di sebuah apartmen tanpa lif. Anak-anak beliau terkorban dalam kemalangan lalu lintas kira-kira enam bulan lalu.

Dahulu, Shanti pernah bercampur dengan masyarakat melalui kegiatan-kegiatan setempat dan menjadi sukarelawan dalam kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Penduduk. Sejak kemalangan itu, Shanti terus memencarkan diri.

Jawatankuasa blok Shanti akan menganjurkan ceramah kesihatan dan kegiatan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Pihak jawatankuasa sedang menimbang untuk tidak melibatkan Shanti kerana mereka rasa beliau tidak berkeupayaan untuk memberi sumbangan dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan itu.

Pihak jawatankuasa pengangur tidak harus membuat andaian bahawa Shanti kurang keupayaan mental hanya kerana dia tinggal bersendirian dan tidak bercakap dengan sesiapa. Seseorang itu dianggap berkeupayaan kecuali jika ia terbukti sebaliknya. Jawatankuasa pengangur harus menimbangkan untuk menjemput Shanti. Terpulanglah padanya jika dia mahu terlibat sama atau tidak.

Prinsip 2: Memberi segala bantuan seberapa yang boleh

Pemberi jagaan, ahli keluarga, penerima kuasa, timbalan dan golongan profesional yang menjaga atau merawat seseorang yang mungkin mempunyai kesukaran dalam membuat sesuatu keputusan perlu mengambil semua langkah yang boleh untuk membantunya membuat keputusannya sendiri.

Apabila membantunya membuat keputusan, mereka tidak boleh mendesak atau memberi tekanan pada orang yang dibantu itu. Jenis sokongan yang patut diterimanya bergantung pada jenis keputusan yang perlu dibuat dan juga keadaannya.

Individu tersebut tidak harus membuat keputusan bagi pihak seseorang itu hanya kerana orang itu mempunyai kesukaran berkomunikasi. Sebaliknya, individu itu harus memberi sokongan, contohnya dengan menyediakan maklumat dalam bentuk yang mudah difahami seperti menggunakan gambar-gambar dan huruf-huruf besar dan berkomunikasi dengan cara yang berbeza seperti bahasa isyarat, Braille dan sebagainya.


CERITA TIM

Beberapa pegawai polis terjumpa seorang lelaki pertengahan umur, Tim, yang tinggal di bawah jejambat Lebuh Raya Rentas Pulau (PIE). Keadaannya sangat kotor dan terdapat luka besar di kakinya, seperti sudah terkena jangkitan. Mereka membawanya ke hospital.

Kakitangan hospital bertanyakan butir-butir peribadi dan saudara-maranya yang mereka boleh hubungi. Pertanyaan ini diajukan dengan menggunakan pelbagai bahasa, untuk membantunya berkomunikasi. Tim terus membisu dan enggan bekerjasama dengan doktor yang mahu memeriksa kecederaannya.

Doktor memberitahu jika lukanya tidak dirawat, Tim mungkin akan kehilangan kakinya sambil membuat pergerakan memotong pada kakinya agar dia faham tentang keadaan dirinya. Selepas itu Tim mula memberi perhatian dan mula tunjuk ke arah mulut dan kedua telinganya sambil menggelengkan kepalanya.

Seorang jururawat menyedari lelaki itu mungkin tuli serta bisu. Jadi dia memberikan kertas dan pen dan memanggil seseorang yang tahu bahasa isyarat. Dia bertenang dan mulai berkomunikasi dengan kakitangan hospital secara bertulisan.

Tim mungkin tidak dapat berkomunikasi secara lisan, tetapi itu tidak bermakna beliau tidak dapat membuat keputusan tentang rawatan ke atasnya. Pasukan perubatan tersebut tidak harus membuat kesimpulan bahawa beliau tidak berkeupayaan untuk membuat keputusan berkenaan rawatan sebelum memberikan segala bantuan yang boleh untuk ia membuat dan menyampaikan keputusannya.

Dalam keadaan kecemasan, contohnya, terdapat kecederaan serius akibat kemalangan, adalah tidak sesuai untuk mengambil terlalu banyak langkah bagi membantu seseorang itu untuk membuat keputusannya sendiri. Apa yang boleh dilakukan adalah untuk memaklumkan kapadanya tentang apa yang sedang berlaku dan mengapa prosedur-prosedur ini dilakukan.

Prinsip 3: Keputusan kurang bijak

Seseorang itu bebas untuk membuat keputusannya sendiri walaupun ia adalah suatu keputusan kurang bijak pada pandangan orang lain. Ini memberi seseorang itu hak untuk membuat pilihannya sendiri. Hanya kerana sesuatu keputusan itu kurang bijak tidak bermakna orang tersebut telah hilang keupayaan mental.

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan antara seseorang yang membuat keputusan kurang bijak (yang mungkin dilakukan ketika dia membuat keputusan) dengan membuat keputusan apabila dia kurang keupayaan untuk memahami, mengingati atau menggunakan maklumat yang perlu agar membuat keputusan tersebut.

Jika seseorang itu membuat beberapa keputusan yang pelik berbanding dengan tingkah lakunya yang biasa atau membuat keputusan-keputusan yang menjadikan dia mudah untuk diperalatkan atau yang mendatangkan mudarat, maka pemeriksaan lanjut ke atas keupayaannya harus dijalankan.



CERITA AH HUAT

Ah Huat berusia 73 tahun. Beliau seorang duda kematian isteri dan tinggal sendirian. Minggu lalu, seorang pemasang tingkap bernama Paul datang ke rumah Ah Huat. Paul meyakinkan Ah Huat supaya menukar tingkap di bilik airnya yang sudah berkarat. Esoknya, Paul kembali dan meminta Ah Huat agar menukar tingkap-tingkap di bilik tidurnya. Paul mengenakan bayaran \$500.

Ah Seng, anak lelaki Ah Huat, bimbangkan ayahnya. Biasanya Ah Huat selalu berhati-hati tentang wang kerana dia sudah bersara.

Paul kembali untuk kali ketiga dan Ah Huat bersetuju untuk menukar baki tingkap di flatnya pada harga \$1500. Ah Seng, yang telah terlebih dahulu memeriksa tingkap-tingkap tersebut, mendapati semua tingkap masih dalam keadaan baik dan tidak perlu ditukar. Dia yakin Paul telah mengambil kesempatan ke atas bapanya dan terfikir sama ada Ah Huat berupaya berfikir untuk membuat keputusan.

Ah Huat menjelaskan bahawa dia ingin kesemua tingkap digantikan serentak kerana dia menerima tawaran yang lebih baik. Dia percaya dalam tempoh setahun dua lagi kesemua tingkap perlu ditukar.

Ah Seng tidak boleh beranggapan hanya kerana bapanya, Ah Huat berusia 73 tahun dan ingin menukar semua tingkap di flatnya, dia kurang keupayaan mental. Jika bentuk tingkah laku Ah Huat yang lazim bertukar terus-terusan dan menimbulkan keimbangan, barulah Ah Seng perlu menimbangkan agar keupayaan mentalnya diperiksa oleh doktor.

Prinsip 4: Kepentingan yang terbaik

Setiap tindakan atau keputusan yang dibuat bagi pihak orang yang kurang keupayaan itu mestilah dilakukan demi kepentingannya. Sama ada keputusan yang dibuat adalah yang terbaik untuk seseorang itu, semuanya bergantung pada keadaan kes tersebut.

CERITA RON

Kevin Khoo dan isterinya, Sally Lee, mempunyai tiga orang anak. Ron, anak sulung mereka yang berusia 23 tahun, mengalami kecacatan intelek dan bekerja di sebuah bengkel tertutup yang dikendalikan oleh sebuah badan kebajikan.

Badan kebajikan berkenaan juga mempunyai program yang menawarkan tempat tinggal sementara untuk orang seperti Ron belajar kemahiran hidup asas untuk kehidupan yang lebih berdikari. Dengan sedikit sokongan, mereka juga diajar bagaimana untuk menggunakan pengangkutan awam. Kemahiran-kemahiran hidup sebegini membantu mereka menjadi lebih sesuai untuk pekerjaan secara terbuka.

Terdapat tempat kosong di dalam program tumpangan tersebut dan para pekerja sosial daripada badan kebajikan itu menyarankan agar Ron menerima tawaran itu.

Kevin dan Sally Lee sedar yang Ron ingin menjadi lebih berdikari. Tetapi, mereka bimbang sekiranya Ron menerima tawaran itu, mereka tidak dapat menjaganya dan kurang masa untuk dihabiskan bersama.

Sekiranya Ron ada keupayaan mental untuk membuat keputusan tentang program tumpangan itu, maka Kevin dan Sally Lee tidak perlu membuat keputusan untuk Ron. Jika Ron kurang keupayaan untuk membuat keputusan tersebut, Kevin dan Sally Lee harus ingat yang mereka perlu membuat keputusan demi kepentingan Ron dan bukan demi kepentingan diri mereka sendiri.



Prinsip 5: Kurang sekatan

Apabila bertindak atau membuat keputusan bagi pihak orang yang kurang keupayaan, tindakan atau keputusan yang diambil haruslah sesuatu yang kurang membataskan hak dan kebebasan orang itu untuk bertindak.

Pilihan untuk kurang bersikap menyekat ini sering merupakan pilihan yang terbaik demi kepentingan orang tersebut.

Kadangkala, ia termasuk pilihan untuk tidak melakukan apa-apa tindakan atau keputusan. Segala tindakan yang diambil atau keputusan yang dibuat, atau keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan, hendaklah dilakukan demi kepentingan orang tersebut.

CERITA AH MEI

Ah Mei tinggal bersama ibunya, Puan Kwong Siew Moi, 80 tahun, yang menghidap dementia (satu penyakit yang menjelas daya ingatan, pemikiran, tingkah laku dan emosi secara bertahap-tahap).

Apabila Ah Mei keluar bekerja, beliau mengunci ibunya di dalam bilik untuk mengelak ibunya dari tercedera atau berjalan-jalan tanpa tujuan. Beliau menyiapkan makan minum untuk ibunya dan diletakkan di dalam bilik. Puan Kwong memakai lampin untuk orang dewasa.

Setiap petang, apabila Ah Mei pulang ke rumah, beliau akan memandikan dan memberikan ibunya makan. Walaupun Ah Mei bertindak sebagai anak yang patuh dan prihatin akan keselamatan ibunya, namun cara penjagaan sebegini tidak mengikut prinsip pilihan kurang sekatan.

Beliau harus mengaturkan bentuk penjagaan lain yang lebih sesuai, umpamanya, menempatkan Puan Kwong di pusat dementia jagaan siang.

Jika terdapat lebih dari satu pilihan, maka semua pilihan-pilihan itu mesti dipertimbangkan dan keputusan yang diambil haruslah ditentukan bersandarkan kedua-dua prinsip iaitu prinsip demi kepentingan diri dan prinsip pilihan kurang sekatan.

BAHAGIAN E

APA YANG TERJADI SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN?

E1. APA YANG PERLU SAYA LAKUKAN SEKIRANYA BERLAKU PERTIKAIAN?

Sekiranya terdapat pertikaian, anda perlu menggunakan kaedah-kaedah berikut:

Komunikasi yang berkesan

Kadangkala pertikaian berpunca daripada masalah komunikasi. Mengadakan musyawarah mungkin berguna demi kepentingan bersama agar individu-individu yang berlainan boleh sama-sama berbincang tentang pelbagai pendapat dan bagaimana ini boleh memberi kesan demi kepentingan orang yang kurang upaya itu.

Pengantaraan

Kaedah ini memang baik untuk menyelesaikan pertikaian yang sedang meluap atau berada di tahap awal. Ia menjimatkan kos, cepat dan kurang memberi tekanan daripada menyelesaiannya di mahkamah. Pihak ketiga (pengantara) yang bebas akan menentukan jika pertikaian tersebut sesuai untuk menjalani pengantaraan. Pengantara akan membantu pihak-pihak berkenaan memahami pandangan masing-masing dan bukan mendesak melalui perbincangan dan menitikberatkan kepentingan orang yang kurang keupayaan itu.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang pengantaraan, sila hubungi:

Pusat Pengantaraan Singapura (Singapore Mediation Centre)
 1 Supreme Court Lane
 Level 4
 Singapura 178879
 Laman Web: www.mediation.com.sg
 Tel: 6332 4366

Pusat Pengantaraan Masyarakat (Community Mediation Centre)
 100 High Street
 #03-02, The Treasury
 Singapura 179434
 Laman Web: www.cmc.gov.sg
 Tel: 6325 1600

CERITA HALIMAH

Halimah Hakim seorang wanita berumur 72 tahun mengalami penyakit demensia yang lanjut. Beliau tinggal bersama-sama anaknya, Anwar dan isterinya, Nora serta dua orang anak kecil mereka di sebuah rumah berkembar. Halimah ada dua orang lagi anak dewasa, Azlan dan Adam. Anwar dan isterinya bekerja sepenuh masa. Mereka mengambil seorang pembantu untuk menjaga Halimah semasa mereka keluar bekerja.

Anwar dan Nora akan mendapat anak ketiga dalam masa enam bulan. Mereka ingin memasukkan Halimah ke rumah penjagaan kerana rasa mereka tidak ada bilik yang cukup di rumah mereka untuk Halimah bila anak mereka lahir kelak. Tetapi Azlan dan Adam tidak setuju dengan Anwar. Bagaimanapun, mereka juga tidak bersedia mengambil Halimah untuk tinggal bersama mereka. Mereka tetap mahu Anwar meneruskan keadaan sekarang.

Halimah telah membuat Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA) secara undang-undang untuk kebaikan dirinya ketika dia ada keupayaan. Beliau telah melantik ketiga-tiga anaknya sebagai penerima kuasa.

Anwar, Azlan dan Adam perlu mencari jalan keluar untuk menyelesaikan perbezaan pendapat mereka serta berbincang untuk membuat pilihan yang terbaik tentang di mana Halimah harus tinggal. Jika mereka tidak mendapat sesuatu penyelesaian, mereka boleh cuba pengantaraan. Apa juga keputusan yang mereka buat, kepentingan ibu mereka perlu diutamakan.

Pertikaian dengan pihak Profesional

Kaedah-kaedah bagi menyelesaikan pertikaian dengan kakitangan penjagaan kesihatan, para pekerja sosial dan profesional yang lain termasuklah:

a. Mendapatkan pandangan yang kedua (untuk hal-hal perubatan dan undang-undang)

- Kadangkala seseorang ahli keluarga mungkin tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh seseorang penerima kuasa bagi seseorang yang kurang keupayaan berdasarkan pada nasihat perubatan yang diberikan oleh doktor orang tersebut. Mereka mungkin boleh menyelesaikan pendapat mereka yang berbeza dengan mendapatkan pandangan yang kedua daripada seorang lagi doktor.
- Ini juga boleh diguna pakai bagi hal-hal undang-undang. Contohnya, seorang penerima kuasa bagi harta benda dan urusan mahu bertindak mengikut cara tertentu selepas mendapatkan nasihat undang-undang yang diberikan oleh peguamnya. Seorang penerima kuasa yang seorang lagi tidak setuju dengan nasihat ini. Pertelingkahan mereka mungkin boleh diselesaikan dengan mendapatkan pandangan yang kedua daripada peguam yang lain.

b. Sidang perbincangan

- Sidang perbincangan ini membolehkan semua pihak dalam pertikaian tadi berjumpa dan bercakap tentang perkara tersebut. Kakitangan penjagaan kesihatan dan para profesional yang lain perlu menerangkan dengan jelas pilihan-pilihan yang ada, memberi pandangan dan alasan-alasan untuk menyokong perkara tersebut.
 - Berjumpa dengan kakitangan perubatan yang kanan. Kakitangan perubatan kanan boleh dijemput untuk memberikan pandangan yang kedua.
 - Memberi ahli keluarga berkenaan masa untuk berfikir mengenai perkara tersebut.
- Pilihan ini hanya terdapat jika ianya bukan sesuatu yang darurat.

- Membuat aduan secara rasmi.

Apabila membuat aduan terhadap seorang pegawai kesihatan yang profesional, anda perlu menghubungi:

- majikan pegawai kesihatan yang profesional itu, dan
- lembaga majlis atau persatuan profesional yang mewakili bidang berkaitan.

E2. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT?

Berikut adalah senarai pertubuhan-pertubuhan yang mungkin dapat membantu menyelesaikan sesuatu pertikaian.

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman Web
Pejabat Pesuruhjaya Penyaraan Ibu Bapa	1800 222 0000	8 Lengkok Bahru #02-01, Family Link @ Lengkok Bahru Singapura 159052	www.maintenanceofparents.gov.sg
Pusat Pengantaraan Masyarakat	6325 1600	100 High Street #03-02, The Treasury Singapura 179434	www.cmc.gov.sg
Persatuan Pekerja Sosial Singapura	6778 7922	Blk 324 Clementi Avenue 5 #01-209 Singapura 120324	www.sasw.org.sg
Majlis Pakar Gigi Singapura	6355 2405	16 College Road #01-01, College of Medicine Building Singapura 169854	www.sdc.gov.sg
Persatuan Pakar Gigi Singapura	6220 2588	2 College Road Level 2, Alumni Association Singapura 169850	www.sda.org.sg

Organisasi	Telefon	Alamat	Laman Web
Persatuan Perubatan Singapura	6223 1264	2 College Road Level 2, Alumni Medical Centre Singapura 169850	www.sma.org.sg
Pusat Pengantaraan Singapura	6332 4366	1 Supreme Court Lane Level 4 Singapura 178879	www.mediation.com.sg
Majlis Perubatan Singapura	6372 3093	16 College Road #01-01, College of Medicine Building Singapura 169854	www.smc.gov.sg
Lembaga Kejururawatan Singapura	6478 5400	16 College Road #01-01, College of Medicine Building Singapura 169854	www.snb.gov.sg
Biro Bantuan Guaman	1800 325 1424	45 Maxwell Road #08-12, URA Centre East Wing Singapura 069118	www.lab.gov.sg
Majlis Peguam Singapura	6538 2500	39 South Bridge Road Singapura 058673	www.lawsociety.org.sg

GLOSARI

Kepentingan Terbaik

Para pembuat keputusan berkewajipan untuk menimbangkan banyak faktor yang memberi tumpuan kepada apa yang terbaik untuk orang kurang keupayaan sebelum membuat sesuatu keputusan bagi pihaknya. Untuk maklumat lanjut, rujuk Bab 6 di dalam Kod Amalan.

Tataamalan

Tataamalan menyokong Akta Keupayaan Mental (Akta) dan memberikan penjelasan lanjut tentang cara Akta ini harus diamalkan.

Pembuat keputusan

Pembuat keputusan ialah individu atau orang yang membuat keputusan bagi pihak mereka yang kurang keupayaan. Mereka termasuklah para pemberi jagaan, jururawat, doktor, penerima kuasa Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dan para timbalan yang dilantik oleh mahkamah.

Pemberi Kuasa

Orang yang sekurang-kurangnya berumur 21 tahun, dan yang membuat sebuah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) dengan melantik penerima kuasa untuk menjaga kebijakan peribadinya dan/atau hal-hal harta benda & urusan jikalau beliau hilang keupayaan mentalnya suatu hari nanti.

Penerima kuasa

Penerima kuasa dilantik oleh pemberi kuasa untuk membuat keputusan dan bertindak tentang kebijakan diri dan/atau harta benda & urusan hal-hal mereka apabila pemberi kuasa kurang keupayaan mental untuk mengurus urusan mereka sendiri.

Secara bersama

Para penerima kuasa atau timbalan hendaklah bertindak secara bersama dan bukannya secara bersendirri.

Secara bersama dan berasingan

Penerima kuasa atau timbalan boleh bertindak secara bersama atau secara bersendirian. Kedua-dua jenis keputusan adalah sah.

Surat Kuasa Berkekalan (Lasting Power of Attorney, LPA)

Ia adalah dokumen sah yang membenarkan pemberi kuasa melantik secara sukarela seseorang, iaitu satu atau lebih penerima kuasa dan memberikannya kuasa atau hak mengambil tindakan atau membuat keputusan bagi pihak pemberi kuasa jika pemberi kuasa hilang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri.

Rawatan mengekalkan hayat

Rawatan mengekalkan hayat ialah rawatan pada pandangan seseorang individu sebagai perlu untuk mengekalkan hayat orang yang berkenaan.

Pengantaraan

Pengantaraan adalah satu cara untuk menyelesaikan pertikaian. Pihak ketiga yang bebas, dikenali sebagai pengantara, menolong pihak-pihak tersebut untuk melihat pandangan masing-masing melalui perbincangan.

Keupayaan mental

Keupayaan mental ialah kemampuan seseorang untuk membuat keputusan tertentu pada waktu yang tertentu.

Pejabat Penjaga Awam

Pejabat Penjaga Awam mempunyai tanggungjawab yang luas dalam rangka kerja Akta Keupayaan Mental. Ini termasuk menyimpan daftar LPA, menyelia para timbalan dan menyiasat dakwaan-dakwaan tentang penganiayaan.

Penerima kuasa kebijakan diri

Seseorang penerima kuasa kebijakan diri adalah individu yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) oleh pemberi kuasa untuk membuat keputusan demi kebijakan diri bagi pihak pemberi kuasa yang kurang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri. Keputusan kebijakan diri adalah keputusan berkaitan dengan gaya hidup seperti : di mana pemberi kuasa harus tinggal dan siapa yang boleh atau tidak boleh menghubungi pemberi kuasa tadi.

Penerima kuasa untuk harta benda & urusan

Seseorang penerima kuasa untuk harta benda dan urusan adalah individu atau syarikat pemegang amanah berlesen di bawah Akta Amanah Syarikat (Bab 336) seperti yang ditetapkan oleh Peraturan- Peraturan Keupayaan Mental yang dilantik di bawah Surat Kuasa Berkekalan (LPA) oleh pemberi kuasa agar membuat keputusan yang berkaitan dengan harta benda dan urusan apabila pemberi kuasanya kurang keupayaan untuk membuat keputusannya sendiri.

Menahan/Sekatan

Penahanan adalah penggunaan atau ugutan untuk menggunakan, paksaan oleh seorang individu untuk mendapatkan persetujuan bagi melakukan sesuatu tindakan, yang ditentang oleh orang tersebut, atau menyekat kebebasan orang itu untuk bergerak, sama ada orang tersebut menentang atau tidak. Pergerakan seseorang itu boleh disekat tanpa menggunakan paksaan secara fizikal atau mengugut untuk gunakan paksaan secara fizikal.

Prinsip-prinsip berkanun

Terdapat lima prinsip berkanun di bawah Akta Keupayaan Mental yang setiap orang perlu patuhi apabila berurusan dengan mereka yang kurang atau mungkin kurang keupayaan mental.

Keputusan kurang bijak

Ianya merujuk kepada salah satu daripada prinsip-prinsip berkanun. Seseorang yang punya keupayaan mental berhak untuk membuat keputusan kurang bijak pada pandangan orang lain. Tidak bermakna seseorang itu telah hilang keupayaan mentalnya hanya kerana keputusan yang dibuat kurang bijak.

PEJABAT PENJAGA AWAM

Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga
20 Lengkok Bahru
#04-02, Family@Enabling Village
Singapore 159053

Hotline: 1800 226 6222

Emel: enquiry@publicguardian.gov.sg

Laman Web: www.publicguardian.gov.sg

Printed October 2016